

▼10/09/16-13MST

CNS6594

R GB 10-09 00235 BA382

bah

KAJI MENDALAM PENGAJIAN KUSZA SEBELUM JADI UNIVERSITI: PM

KUALA TERENGGANU, 10 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu Kolej Agama Sultan Zainal Abidin (Kusza) menjalankan kajian mendalam mengenai kursus-kursus pengajiannya sebelum mengambil langkah menaikkan taraf kolej itu sebagai universiti.

Perdana Menteri berkata, Kerajaan Pusat bersedia menimbang keinginan Kusza, kolej tajaan Kerajaan Negeri yang mengajar pelbagai cabang bidang ilmu dengan berasaskan Islam, untuk dinaikkan taraf menjadi universiti.

Bagaimanapun, katanya, Kusza mungkin terpaksa memansuhkan beberapa pengajiannya yang diajar dalam Bahasa Arab jika hendak menjadi universiti dalam sistem pendidikan negara kerana hanya Bahasa Melayu yang boleh dijadikan bahasa pengantar.

Pemansuhan beberapa pengajian ini perlu dikaji mendalam sama ada kesannya baik atau sebaliknya, kata Dr Mahathir kepada pemberita selepas berucap kepada anggota Umno Terengganu di Kediaman Menteri Besar, hari ini.

Mengenai pembangunan Tasik Kenyir, beliau menyatakan rasa puas hatinya dengan pembangunan tasik itu secara keseluruhannya tetapi berharap banyak lagi akan dilakukan untuk membangunkan pulau-pulau di tasik itu supaya menjadi kawasan yang mesti dilawati.

Beliau memuji langkah Kerajaan Negeri mengenakan harga tanah yang murah kepada pengusaha pelancongan yang menjalankan projek di pulau-pulau itu.

Perdana Menteri dan isterinya, Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, yang dalam lawatan dua hari ke Terengganu, akan berlepas ke Pulau Redang petang ini. Beliau dijadualkan pulang ke Kuala Lumpur hari ini.

-- Bernama.

AL NMO

▼10/09/15-19MST